

## Kementerian Pengangkutan sedang bangunkan aplikasi lupus kenderaan [METROTV]

Mohammad Khairil Ashraf Mohd Khalid  
khairil.ashraf@hmetro.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Pengangkutan (MOT) sedang membangunkan sistem aplikasi atau kaedah digital untuk pembatalan pendaftaran kenderaan secara dalam talian.

Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Hasbi Habibollah berkata, sistem itu bertujuan untuk memudahkan individu berhasrat untuk melupuskan kenderaan buruk atau yang sudah rosak dengan membuat pembatalan pendaftaran kenderaan tanpa perlu hadir ke kaunter Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

Menurutnya, kenderaan buruk itu seterusnya boleh dilupuskan oleh syarikat pelupusan sisa pepejal yang diiktiraf mengikut peraturan ditetapkan agensi berkaitan.

"Dengan pelaksanaan inisiatif ini, diharap ia akan dapat menyelesaikan isu lambakan kenderaan buruk dan usang di Malaysia," katanya di Dewan Rakyat di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian untuk pertanyaan Mohd Sany Hamzan (PH-Hulu Langat) apakah usaha kerajaan bagi menguruskan pelupusan kenderaan buruk dan kenderaan akhir hayat (ELV), di samping menjaga kelestarian alam sekitar.

Hasbi berkata, perkara membabitkan pelupusan kenderaan dan kelestarian alam sekitar bukan hanya terletak di bawah tanggungjawab MOT semata-mata tetapi turut membabitkan kerjasama bersama pelbagai kementerian lain.

Menurutnya, kerajaan amat memberi perhatian kepada isu lambakan kenderaan motor yang tidak lagi sesuai digunakan di atas jalan raya sama ada dari aspek keselamatan penggunaannya serta dari aspek pencemaran kepada alam sekitar.

"Dalam hal ini, kementerian melalui JPJ sedia bekerjasama dengan agensi kerajaan terbabit untuk mengkaji hala tuju jangka masa panjang mengenai perkara ini termasuk mengkaji konsep pelupusan kenderaan usang.

"Pelaksanaan sistem pelupusan ini berupaya menyumbang kepada peningkatan tahap keselamatan jalan raya, mengurangkan pencemaran daripada kenderaan yang sudah lama dan berusia serta merancakkan permintaan kenderaan yang akan menyumbang kepada kelestarian sektor automotif negara," katanya.

Disiarkan pada: Mac 29, 2023 @ 1:55pm